

# Robot **Anak Putra** harumkan nama UPM

Oleh Aniza Salwa  
Ab Ghani  
[bhvarsiti@bharian.com.my](mailto:bhvarsiti@bharian.com.my)

**M**ELAKA TENGAH: Pasukan mahasiswa Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Universiti Putra Malaysia (UPM) dinobatkan sebagai juara kategori Combat Robot Competition MMU Robotic Challenge Week 2011, di sini, baru-baru ini.

Rekaan robot yang diberi nama Anak Putra itu berjaya meraih wang tunai sebanyak RM3,500 dengan menewaskan robot TT013 daripada pasukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang meraih tempat kedua, manakala robot Kenaboi daripada Institut Latihan Perindustrian Le-dang di tempat ketiga.

Dalam pertandingan akhir yang berlangsung di Universiti Multimedia (MMU) kampus Melaka, ketiga-tiga robot terbabit bertarung selama tiga minit menggunakan senjata bebas tanpa membabitkan sebarang elemen bahan kimia dan bahan letupan dalam tempoh tiga minit.

Ketua kumpulan UPM, Mohd Afiq Abdul Ghafar, berkata robot pasukannya dibangun menggunakan



**ROBOT** Anak Putra ciptaan mahasiswa kejuruteraan UPM berjaya muncul juara kategori Combat Robot Competition MMU Robotic Challenge Week 2011, baru-baru ini.

pneumatic system for flipping daripada gas hidrogen termampat yang diuji mampu menjatuhkan lawan dengan beban berat sehingga 20kg.

Katanya, kelebihan itu membolehkan robot ciptaan pasukannya dengan mudah menundukkan lawan, sekali gus menonjolkan ketangkas dan keupayaan bertarung dengan pihak lawan.

Pertandingan anjuran Kelab Robotik, MMU yang bertemakan Robots: The Future Mastermind itu diadakan bertujuan mencungkil bakat, daya

kreativiti dan inovasi serta semangat kerjasama mahasiswa kejuruteraan untuk mencipta satu model robot yang sempurna.

Sebanyak 51 pasukan daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta, politeknik, institut kemahiran seluruh Malaysia menyertai pertandingan itu.